



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

PROJEK LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU (RSTP) PAPAN 2 BERI MANFAAT HAMPIR 1.5 JUTA PENDUDUK

Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Papan 2 oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang berjumlah RM452,537,600 mampu memberi manfaat kepada kira-kira 600,000 penduduk setara dan mampu menampung sehingga 900,000 penduduk setara.

Projek itu telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad, yang turut dihadiri oleh Menteri besar Perak Dato' Seri Saarani Mohamad, Timbalan Menteri NRECC Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha NRECC Dr. Ching Thoo Kim dan Ketua Pengarah JPP Ts. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Projek oleh agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Projek itu telah disiapkan dalam tempoh enam (6) tahun, termasuk kerja-kerja tambahan di luar kontrak.

Ia mampu merawat kumbahan dari kawasan seluas 18.5 hektar di mukim Belanja, daerah Kinta, merangkumi kawasan tadahan pembetungan seluas 195 km persegi di kawasan pusat bandar Ipoh, sebahagian kawasan Gunung Rapat dan Menglembu.

Loji yang mengguna pakai sistem rawatan *extended aeration* ini akan menerima aliran kumbahan dari Projek Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan di Pusat Bandar Ipoh, sebahagian kawasan Gunung Rapat dan Menglembu.

Pembinaan loji ini bukan sahaja dapat mengurangkan masalah berkaitan sistem rawatan kumbahan sedia ada yang bersaiz kecil dan tidak efisien, malah membolehkan penyambungan ke sistem rangkaian paip pembetungan daripada kawasan-kawasan pembangunan baharu.

Ia seterusnya mampu, mengurangkan potensi pencemaran sungai dan menjamin kelestarian sumber air.

Selain itu, ia mampu meningkatkan liputan perkhidmatan pembetungan yang berkualiti dan membantu memulihara kualiti air sungai melalui pelepasan effluen terawat yang mematuhi Akta Kualiti Sekeliling 1974, Peraturan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan) 2009, sebelum dilepaskan ke Sungai Johan dan seterusnya ke Sungai Kinta.

Projek pembinaan loji berskala besar ini juga turut menerima dua (2) pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records, iaitu “The Biggest Circular Shape Pumping Station” dan “Deepest Inlet Chamber Pumping Station” yang berkedalaman 22 meter daripada aras tanah.

Inlet Pumping Station (IPS) juga adalah yang pertama berbentuk bulat dan mempunyai permukaan bulat terbesar di Malaysia dengan diameter 42 meter. Elemen **teknologi hijau** turut diterapkan di dalam projek seperti penggunaan semula Effluen, peralatan cekap tenaga dan tenaga solar.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

7 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia